

# Mahathir: Melayu mesti kikis anggapan tak ada keupayaan

22 AUG 1985

**K**UALA LUMPUR 21 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta orang-orang Melayu supaya mengikis anggapan mereka adalah bangsa yang tidak ada keupayaan dan kemampuan sebelum mencuba.

Beliau menegaskan, perkataan mustahil adalah bukan rasmi orang Melayu dan sejarah boleh membuktikan bahawa orang-orang Melayu memang ada kemampuan.

"Contoh yang jelas sekali dulu sebelum merdeka ada orang kata orang-orang Melayu hendak membuat sebatang jarumpun tidak boleh, mahu kemerdekaan, tetapi lihat sekarang," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian dalam ucapan penangguhannya di akhir Perhimpunan Agung UMNO sebagai menangkis hujah-hujah dalam perbahasan yang mempertikaikan kebijaksanaan kerajaan menubuhkan Perbadanan Industri Berat (HICOM).

Seorang wakil dari Melaka di mana HICOM hendak mencari kakitangan bumiputera yang berkeelayakan untuk diambil bekerja dengan perbadanan berkenaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir dengan lantang bertanya, "adakah kita tidak yakin kepada diri kita sendiri dan keupayaan kita berbuat sesuatu."

"Satu contoh yang jelas lagi ialah semasa kita hendak menubuhkan sebuah universiti dulu ada orang-orang Melayu sendiri yang bertanya di mana kita hendak mencari anak-anak Melayu untuk masuk universiti.

"Tapi sekarang dari 20 peratus sahaja pelajar Melayu masa mula dulu kini jumlah pelajar sudah sampai 65 peratus malah di Universiti Kebangsaan Malaysia 80 peratus.

"Begitu juga dulu sebut nak bawa

kapal terbang semua orang kata orang Melayu mana boleh bawa kapal terbang, itu kerja orang putih sekarang kalau kita ke London, Jeddah dan sebagainya siapa yang memandu kapal terbang."

Perdana Menteri menegaskan setiap orang itu mempunyai kebolehan kalau ia memberanikan diri mencubanya.

Menyentuh tentang HICOM, beliau berkata, pembentukannya dan beberapa usaha lain bukanlah perkara main-main untuk mencari populariti, "kita tidak bentuk untuk tujuan itu," tegasnya.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir dalam usaha mencapai sesuatu seseorang itu harus memulakan satu langkah untuk sampai ke-1,000 langkah.

## Kecewa

"Jadi kalau langkah pertamapun kita tidak boleh ambil kita pasti akan kecewa."

"Saya yakin orang-orang Melayu boleh berubah jika kita menanam nilai-nilai yang baik. Lagipun orang-orang Melayu bila dicabar dia pasti bangun," ujarnya disambut oleh tepuk gemuruh para hadirin.

Oleh itu katanya, adalah menjadi tugas setiap ahli UMNO untuk menanam semangat kepada setiap anak mereka supaya sanggup mencuba.

Beliau kesal kerana wakil Melaka yang membuat kenyataan itu adalah seorang yang muda. "Kalau dalam usia muda itu pun sudah mengaku kalah apakah harapan kita," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, "saya adalah orang-orang Melayu yang ada cita-cita besar bagi kaum sebangsa dan seagama saya. Saya tidak mahu mengaku kalah kepada sesiapa yang datang dari mana sekalipun."